

8 universiti dipelawa memohon status Swa Akreditasi

BUAT pertama kalinya empat buah universiti penyelidikan tempatan dan empat buah universiti cawangan luar negara menerima Surat Pelawaan Memohon Status Swa Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) sempena sambutan ulang tahun pertama agensi itu di Petaling Jaya baru-baru ini.

Universiti yang tersenarai adalah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Curtin (Kampus Sarawak), Monash University, Swinburne University Of Technology (Kampus Sarawak) dan Universiti Nottingham (Kampus Malaysia).

Sekiranya berjaya memperoleh status berkenaan, institusi pengajian tinggi (IPT) itu layak mengakreditasi sendiri program-program pengajian mereka, tertakluk kepada pemantauan berterusan dan audit institusi dari masa ke semasa oleh pihak MQA seperti yang termaktub di dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

Sungguhpun begitu, status swa-akreditasi ini tidak termasuk program-program profesional yang masih perlu mendapatkan akreditasi dan pengiktirafan oleh badan-badan profesional yang berkaitan.

Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, satu kriteria untuk melayakkan IPT dipelawa memohon status institusi swa akreditasi telah pun ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).



MOHAMED Khaled Nordin (kiri) bertanyakan sesuatu kepada Naib Canselor UKM Profesor Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin sewaktu menyampaikan Surat Pelawaan Memohon Status Swa Akreditasi kepada UKM sempena ulang tahun pertama MQA di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

"Pada amnya, kriteria ini berkisar di sekeliling kapasiti dan pengalaman serta kemantapan mekanisme jaminan kualiti dalaman institusi tersebut.

"Bagi universiti cawangan luar negara, kampus induk di negara asalnya perlu telah sedia ada status swa akreditasi," jelas beliau.

Menurut beliau lagi, pemilihan kumpulan pertama ini adalah berdasarkan kepada pengiktirafan serta pencapaian semasa universiti berkenaan sebagai universiti penyelidikan dan kampus cawangan universiti luar negara yang kampus induk di negara asalnya bertaraf *self accrediting*.

Dengan pelawaan ini juga, pihak universiti boleh mengemukakan permohonan masing-masing melalui MQA dan ini akan diikuti oleh audit institusi

yang akan dikendalikan olehnya.

"Tempoh yang diperlukan bagi menyelesaikan penilaian adalah sekitar tiga bulan daripada tarikh penerimaan permohonan dan dokumen universiti.

"Hasil penilaian audit institusi ini akan menjadi asas penentuan untuk memberi status institusi swa akreditasi kepada universiti yang berjaya," kata beliau.

TINGKATKAN KUALITI

Sehubungan itu, beliau menyeru semua IPT agar terus berusaha meningkatkan tahap kualiti kursus pengajian yang ditawarkan untuk mendapatkan perakuan akreditasi MQA.

Selain meningkatkan imej dan reputasi institusi masing-masing, peningkatan kualiti secara berterusan ini juga

merupakan sumbangan langsung IPT kepada dasar menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi.

Malah, IPT sendiri beroleh manfaat kerana perakuan akreditasi MQA merupakan jaminan bahawa program yang ditawarkan telah menepati standard yang berlandaskan amalan terbaik antarabangsa.

Ia akan memberi kelebihan kepada para pelajar yang mengikuti program tersebut kerana kelayakan yang diakredit oleh MQA boleh dipertimbangkan untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam setaraf dengan pemegang-pemegang kelayakan yang diiktiraf oleh negara.

"Mereka juga boleh dipertimbangkan untuk pemindahan kredit bagi

tujuan kemasukan ke IPT bertaraf universiti dan kolej universiti, selain berpeluang mendapat pembiayaan dari badan-badan penaja yang hanya memberi pembiayaan kepada pelajar yang mengikuti kursus yang telah diakredit oleh MQA," ujar Mohamed Khaled lanjut.

Selain itu, MQA turut menyerahkan Sijil Akreditasi kepada 72 IPT dari seluruh Malaysia yang berjaya memperoleh akreditasi MQA bagi program diploma dan ijazah anjuran mereka bermula 1 November 2007 sehingga 31 Oktober 2008 di Sunway Resort Hotel & Spa Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Turut dibentangkan ialah laporan 'Setahun Agensi Kelayakan Malaysia' oleh Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Datuk Dr. Syed Ahmad Hussein.